



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-undang Semester II, Sesi Akademik 2017/2018

Kertas Soalan Peperiksaan Akhir

Kod Kursus : SD 2201

Nama Kursus : Pengenalan Kepada Kanun Jenayah Syariah

Tahap Kursus: HND Syariah Criminal Justice System

Masa : 3 jam

Rujukan yang dibenarkan:

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013

Nota:

- (1) Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua (2) soalan di Bahagian B.
- (2) Sila gunakan nas-nas al-Qur'an dan Sunnah, peruntukan Hukum Syara' dan perundangan, sejauh mana yang berkenaan, bagi menyokong jawapan awda, .

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

BAHAGIAN A:
SOALAN WAJIB

Pilih dan jawab semua soalan dari Bahagian A ini.

SOALAN 1 (10 markah)

- (a) Bagaimanakah jenayah dalam Islam diklasifikasikan? (7 markah)
- (b) Nyatakan apa perlunya klasifikasi demikian dibuat. (3 markah)

SOALAN 2 (10 markah)

- (a) Huraikan dengan misalan tertentu perbezaan di antara “*hudud*” dan “*ta'zir*”. (4 markah)
- (b) Berikan 3 jenis kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman *hadd* dan 3 jenis kesalahan yang hanya boleh dihukum dengan hukuman *ta'zir*. (3 markah)
- (c) Berikan 2 jenis kesalahan *ta'zir* yang boleh dihukum dengan hukuman mati. (3 markah)

SOALAN 3 (10 markah)

Setiap kesalahan *hudud* yang hendak disabitkan dengan hukuman *hadd* memerlukan *ikrar* dari tertuduh yang *mukallaf*, atau dibuktikan kesalahannya dengan *syahadah* sekurang-kurangnya dua orang *syahid* bagi semua kesalahan *hudud* (termasuk *qisas*), kecuali *zina*, *zina bil jabr* dan *liwat* (yang memerlukan sekurang-kurangnya 4 orang *syahid*), setelah Mahkamah berpuas hati dengan

mengambil kira kehendak-kehendak *tazkiyah al syuhud*. Berikan maksud lima (5) dari istilah-istilah berikut:

- (a) *hadd*;
- (b) *ikrar*;
- (c) *mukallaf*;
- (d) *syahadah*;
- (e) *qisas*;
- (f) *tazkiyah al syuhud*.

(2 markah setiap satu)

BAHAGIAN B:
SOALAN PILIHAN

Pilih dan jawab dua (2) soalan sahaja dari Bahagian B ini.

SOALAN 4 (15 markah)

Naza (seorang Muslim), berumur 35 tahun, Mel (seorang Kristian), berumur 30, dan Anan (juga seorang Muslim), berumur 14 tahun 3 bulan. Mereka telah membuat rancangan dan pakatan bersama untuk mencuri di sebuah kedai barangan elektrik kepunyaan Ah Chong di Jalan Bunut.

Pada 6hb April 2018, ketiga-tiga mereka telah masuk ke dalam kedai berkenaan dengan memecah masuk melalui pintu belakang. Mereka telah mengisi barang-barang letrik ke dalam dua kotak besar. Naza dan Anan telah keluar dari kedai sambil membawa satu dari dua kotak yang sudah diisi dengan barang eletrik yang mereka ambil dari kedai itu. Mereka berjalan menuju kereta Toyota Innova mereka dan memuatkan kotak itu ke bahagian belakang kereta. Naza kemudian memandu kereta tersebut ke arah pintu belakang kedai untuk mengambil Mel dan sebuah kotak lagi. Sedang mereka menunggu Mel keluar, mereka terdengar bunyi siren kereta peronda Polis menuju ke arah kedai itu. Mel meluru keluar ke kereta tetapi terpaksa meninggalkan kotak yang sudah diisi barangan eletrik. Semasa mereka melarikan diri dengan kereta, mereka telah dikejar oleh kereta peronda Polis dan ketiga-tiga mereka telah ditangkap di kawasan berhampiran Hospital RIPAS.

Nilai barangan eletrik yang dijumpai Polis dalam kereta Toyota Innova semasa ketiga-tiga Naza, Mel dan Anan ditangkap ialah B\$715.00. Nilai barangan letrik

dalam sebuah kotak lagi yang tertinggal di kedai semasa mereka melarikan diri ialah B\$1,100. Harga emas 24k pada tarikh kejadian ialah B\$56.25 segram.

Bincangkan sama ada setiap seorang dari mereka, Naza, Mel dan Anan, boleh disabitkan dengan kesalahan *sariqah* yang boleh dihukum dengan hukuman *hadd* potong tangan menurut Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

SOALAN 5 (15 Markah)

Along, seorang Muslim, baru sebulan bercerai dengan isterinya. Along telah ditangkap dan dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Syariah atas tuduhan melakukan *zina* dengan seorang perempuan Filipina yang dikenali sebagai kekasih lamanya. Perempuan tersebut telah melarikan diri dan tidak dapat dikesan. Along menghadapi pertuduhan *zina* yang boleh dihukum dengan *hadd* rejam sampai mati menurut Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. Along tidak mengaku bersalah.

Sebagai seorang Pendakwa Syar'ie, bincangkan bukti-bukti atau keterangan-keterangan (*baiyyinah*) dan kesaksian (*syahadah*) yang diperlukan untuk awda membina suatu kes *zina* terhadap Along yang boleh menyokong sabitan bagi hukuman *hadd* rejam.

SOALAN 6 (15 Markah)

- (a) Awang Dany, berumur 40 tahun, telah dilahirkan dalam keluarga Hindu. Semasa dia berumur 19 tahun dia telah memeluk agama Kristian. Tetapi setelah berhijrah ke Brunei, dia telah memeluk agama Islam sejak 10 tahun yang lalu. Pada pagi Krismas tahun lalu, Dany telah kelihatan pergi ke gereja di bandar bersama-sama penganut agama Kristian lain. Kejadian ini disaksikan oleh Hj. Alwi dan Hj. Amin, Ahli Takmir Masjid Kampung Tamoi, yang kenal siapa Dany. Apabila ditanya oleh mereka kemudian, Dany menjawab, "Aku pergi ke gereja menghadiri *Christmas service*." "Kenapa pakai rantai berloket salib itu?", tanya Hj. Alwi. "Aku sudah masuk Kristian sebab bulan depan aku akan berkahwin dengan kekasihku seorang Kristian dari Sabah.", jawab Dany.
- (i) Nyatakan pertuduhan apa di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang dapat dipertuduhkan terhadap Dany.

(2 markah)

(ii) Bincangkan sama ada dia boleh disabitkan dan dihukum dengan hukuman *hadd* di bawah pertuduhan yang awda pilih.

(4 markah)

(iii) Sekiranya Mahkamah mensabitkan dan menjatuhkan hukuman *hadd* ke atas Dany, apakah tindakan yang perlu diambil oleh Mahkamah terhadap Dany?

(2 markah)

(b) Pada 31 December 2017, jam 8.30 malam, Abdul, seorang Muslim, dan Dave, seorang Kristian, kedua-duanya berumur 23 tahun, telah ditangkap oleh empat (4) orang pegawai-pegawai penguatkuasa Syariah (PPS) di dalam sebuah rumah yang didiami oleh Dave di Gadung. Sewaktu serbuan dibuat, PPS telah ditemani oleh pengadu Hj. Ramli dan Hj. Rahman, jiran rumah kediaman Dave. Kesemuanya, Hj. Ramli, Hj. Rahman dan PPS, telah melihat Dave meminum arak dari satu gelas. Mereka tidak melihat Abdul minum tapi mulut Abdul berbau arak. Di atas meja terdapat 1 botol kosong *whisky* berjenama *Johnnie Walker*. Satu biji gelas kosong yang berbau arak dan 3 tin *beer* kosong berjenama *Anchor Beer*.

Apakah kesalahan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang boleh dikenakan terhadap Abdul dan Dave? Beri alasan kenapa awda memilih kesalahan tersebut sebagai kesalahan yang sesuai terhadap masing-masing Abdul dan Dave.

(7 markah)

بالتوفيق والنجاح